

HARMONY IN PROGRESS:

INTEGRATING SCIENCE, TECHNOLOGY,
AND
SOCIAL INNOVATION
FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



e-Book of Extended Abstract
Negeri Sembilan International (NSIEx) & Research Symposium
2025

PSS007 - i-FIQH EASY

Wan Nor Aisyah Wan Yussof^{1*}, Nursafra Mohd Zhaffar¹, Siti Nur Husna Abdul Rahman¹, Suhaila Sharil¹, Najihah Abd Razak¹, Nur Fadhiela Mohd Khairul Nizam¹, dan Siti Nadiyah Babge²

¹ Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

² Kolej Universiti Agrosains Malaysia, Melaka

*Penulis koresponden: wannoraisyah@uitm.edu.my

ABSTRAK

Pengajaran kursus Ekonomi dan Kewangan Islam melibatkan penggunaan pelbagai istilah teknikal dalam bahasa Arab seperti *Murabahah*, *Musarakah*, *Mudharabah*, *Wakalah* dan sebagainya. Istilah-istilah ini menjadi cabaran kepada pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab, termasuk pelajar bukan Islam, sehingga menjejaskan penguasaan konsep asas perbankan Islam dan keberkesanan pembelajaran. Bagi mengatasi isu ini, projek inovasi i-FIQH EASY dibangunkan sebagai bahan bantu mengajar berasaskan kecerdasan buatan (AI) khusus untuk topik *Islamic Banking Product*. Inovasi berbentuk komik bergambar ini menyampaikan kandungan melalui jalan cerita yang menarik, dilengkapi sebutan istilah, maksud ringkas dalam Bahasa Melayu/Inggeris, serta contoh penggunaannya dalam situasi harian dan contoh aplikasi di bank. Pembangunan i-FIQH EASY menggunakan gabungan aplikasi Gemini, Canva AI dan Comica, dengan pengesahan kandungan oleh dua orang pakar bidang. Ujian kebolegunaan menunjukkan respon positif daripada pelajar, termasuk pelajar bukan Islam, yang mendapati i-FIQH EASY membantu mereka memahami istilah teknikal dan meningkatkan minat terhadap subjek. Inovasi ini membolehkan pelajar mengakses pembelajaran di mana-mana sahaja, serta berpotensi diperluas kepada kursus seperti CTU241 dan CTU351 di UiTM, subjek berkaitan di IPTA lain, serta dikembangkan kepada modul video bersiri atau aplikasi pembelajaran pintar untuk pengalaman yang lebih interaktif.

Kata kunci – Kewangan Islam, istilah Arab, Fiqh, inovasi pengajaran

PENGENALAN

Ramai pelajar UiTM menghadapi cabaran memahami istilah dan konsep perbankan Islam kerana penggunaan istilah Arab yang kompleks, penerangan yang terlalu teknikal, serta kekurangan bahan pembelajaran interaktif yang dekat dengan dunia mereka. iFiqhEasy menyampaikan konsep perbankan Islam melalui cerita ringkas yang dekat dengan kehidupan pelajar UiTM. Setiap istilah seperti *Wakalah*, *Murabahah*, *Mudharabah* dan *Musharakah* diterjemah dalam ilustrasi komik dan animasi yang memudahkan pemahaman. Kisahnya berpaksikan situasi harian pelajar, contohnya melantik rakan membeli buku bagi menggambarkan *Wakalah* atau berkongsi modal untuk projek perniagaan bagi *Musharakah*. Bahasa yang digunakan mudah, esra, dan inklusif, membolehkan pelajar tanpa asas Bahasa Arab termasuk pelajar bukan Islam dapat memahami konsep dengan cepat. Kandungannya juga disesuaikan dengan silibus CTU241 dan CTU351, menjadikan pembelajaran lebih relevan, fleksibel dan menarik.

OBJEKTIF

Antara objektif Projek i-FIQH EASY ialah dapat memudahkan pemahaman konsep perbankan Islam melalui penceritaan ringkas, ilustrasi komik dan animasi yang relevan dengan kehidupan seharian pelajar. Kedua, dapat mengurangkan halangan bahasa dan istilah teknikal dalam pembelajaran subjek *Islamic Banking* khususnya bagi pelajar tanpa asas Bahasa Arab. Ketiga, ia dapat meningkatkan minat dan penglibatan pelajar dalam mempelajari fiqh muamalat melalui pendekatan interaktif dan mesra pengguna.

Selain itu, projek ini juga dapat menyokong pencapaian hasil pembelajaran kursus (CLO) dan mengintegrasikan teknologi kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran Islam kontemporari.

PENERANGAN TENTANG PROJEK

Butiran Produk

Nama : i-FIQH EASY
Fungsi : i-FIQH EASY memperkenalkan pendekatan inovatif dalam pengajaran asas perbankan Islam dengan menggabungkan pemahaman istilah Arab, visual interaktif, dan platform media sosial untuk menghasilkan pengalaman pembelajaran yang pantas, mudah, dan menarik.

Kegunaan : Menggunakan ilustrasi gaya komik dan video pendek (YouTube) untuk menjelaskan konsep seperti *Wakalah*, *Murabahah*, *Mudharabah*, dan *Musharakah*, menjadikan pembelajaran lebih mesra generasi muda. Berbeza dengan kaedah tradisional, i-FIQH EASY bukan sahaja menerangkan istilah Arab dalam perbankan Islam, tetapi juga memaparkannya melalui animasi dan contoh kehidupan sebenar, memudahkan pelajar memahami konsep dengan lebih cepat. Direka khas untuk pelajar kursus CTU241 & CTU351 di UiTM termasuk pelajar bukan Islam, dengan penekanan pada kefahaman istilah tanpa mengira latar belakang bahasa Arab. Ia dapat mengurangkan masa pembelajaran dengan membina hubungan terus antara istilah Arab, maksud, dan aplikasi dunia sebenar dalam perbankan Islam.



Rajah 1: Logo i-FIQH EASY



Rajah 2: Contoh Animasi dan QR untuk audio dalam bentuk YouTube

PEMBAHARUAN

i-FIQH EASY adalah bahan bantu mengajar yang memudahkan kefahaman istilah Arab dalam Perbankan Islam, terutamanya untuk pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab. Ia menggabungkan ilustrasi komik, video pendek YouTube, serta contoh ang dekat dengan jiwa pelajar. Kandungan direka agar inklusif, sesuai untuk pelajar Muslim dan bukan Muslim, serta selari dengan sukatan kursus CTU241 dan CTU351 di UiTM.

Produk ini menyokong matlamat **United Nations Sustainable Development Goals (SDGs)**, khususnya:

SDG 4: Quality Education – memastikan akses kepada pendidikan berkualiti dan inklusif.

SDG 8: Decent Work and Economic Growth – membangunkan kemahiran kewangan Islam untuk kegunaan industri.

SDG 10: Reduced Inequalities – mengurangkan jurang pemahaman antara pelajar dengan latar belakang bahasa yang berbeza.

i-FIQH EASY membantu membentuk generasi celik kewangan Islam yang bersedia untuk pasaran kerja global, sambil memupuk kefahaman konsep Syariah secara mudah, interaktif dan relevan dengan keperluan semasa.

KESIMPULAN

Kesimpulannya ialah i-FIQH EASY berjaya menjadi satu pendekatan inovatif dalam pengajaran konsep perbankan Islam yang mesra pengguna, interaktif, dan inklusif. Melalui penggunaan cerita ringkas, ilustrasi komik, dan animasi, ia bukan sahaja memudahkan pemahaman pelajar terhadap istilah teknikal dan konsep Syariah, malah mengurangkan halangan bahasa bagi pelajar tanpa asas Arab. Pendekatan yang relevan dengan situasi harian ini meningkatkan minat serta penglibatan pelajar, di samping memastikan kandungan dapat diakses oleh semua, termasuk bukan Muslim. Integrasi teknologi multimedia turut menyokong pencapaian CLO dan meningkatkan kualiti PdP agar lebih kreatif, berkesan, dan selari dengan keperluan pembelajaran abad ke-21.